

FOKUS

Oleh Ruhaiza Rusmin ruhaizarusmin@hmetro.com.my

Pelajar aliran agama BUKAN KELAS KEDUA

Aliran agama? Adakah prospek masa depan, masuk universiti atau mendapat pekerjaan apabila tamat pengajian?

Isu mengenai aliran agama di negara ini bukan isu baru, tetapi apabila memperkatakan mengenai perkara itu, inilah yang bermain di minda masyarakat kita.

Dianggap tidak segha aliran sains atau sastera, pelajar aliran ini sering kali berhadapan 'diskriminasi' pihak tertentu yang tidak yakin kemampuan mereka dalam aspek pencapaian diri dan akademik.

Ada menganggap, mereka hanya tahu pendidikan agama, kurang fasih berbahasa Inggeris, komunikasi dan sosial.

Lebih skeptikal, ada menganggap pelajar aliran ini hanya layak bergelar ustaz atau ustazah semata-mata.

Di manakah silapnya hingga pelajar aliran ini masih diragui kemampuan mereka sedangkan perkembangan sekolah ini sudah melangkaui empat dekad?

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Dr Zulkiple Abd Ghani berkata, masyarakat sendiri yang harus mengubah pandangan itu yang suka membandingkan kemampuan pelajar aliran agama dengan sains atau sastera.



KEJAYAAN pelajar aliran sains di institusi pengajian tinggi juga sudah tidak boleh dipertikaikan malah kecemerlangan mereka juga mendapat pengiktirafan industri. - Gambar hiasan

Mereka sudah ada pelbagai peningkatan mengagumkan dan meraih kejayaan cemerlang

Beliau berkata, jika mereka menganggap pelajar aliran agama kurang berdaya saing berbanding pelajar aliran lain, ini satu kesilapan besar.

"Memang biasa apabila ada pihak masih menganggap pelajar agama sebagai aliran kelas kedua yang tidak mampu memberi persaingan kepada pelajar sains atau sastera.

"Ini satu tanggapan yang sama sekali tidak benar, malah boleh memberi impak serta menjejaskan pandangan orang lain.

"Hakikatnya, pelajar aliran agama hari ini bukan seperti era 1970-an. Mereka sudah ada pelbagai peningkatan yang mengagumkan, kejayaan yang cemerlang serta mungkin lebih baik daripada aliran lain," katanya.

Beliau berkata, masyarakat perlu mengubah tanggapan bahawa pengajian aliran agama lebih kepada subjek agama semata-mata

atau berakhir sebagai seorang ustaz atau ustazah.

"Itu adalah persepsi pertama yang akan terlintas di kebanyakan minda masyarakat sedangkan ia tidak tepat.

"Memang mereka mengambil aliran agama tapi bukan 100 peratus menumpukan perhatian pada subjek agama, sebaliknya ada juga mata pelajaran Geografi, Sains dan Matematik.

"Ini bukan sekolah agama seperti dulu tapi sekolah agama kebangsaan yang sudah diselarkan silibusnya mengikut silibus kebangsaan," katanya.

Menurutnya, jika pelajar lain mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pelajar aliran agama ada Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang melayakkan mereka menjajakkan kaki di menara gading.

"Jadi di manakah relevannya tanggapan mengatakan kehidupan pelajar sekolah agama akan berakhir



PELUANG merencanakan masa depan bagi pelajar aliran agama sentiasa terbuka luas. - Gambar hiasan



HASIL daya reka cipta mereka juga boleh meraih anugerah di peringkat antarabangsa menunjukkan aliran diikuti di sekolah bukan penentu kejayaan seseorang di menara gading. - Gambar hiasan



JANGAN pandang rendah pada pelajar aliran agama kerana mereka juga boleh mengikuti jurusan profesional dan elit seperti pelajar aliran sains. - Gambar hiasan

sebagai ustaz atau ustazah?" katanya.

Beliau berpendapat, masyarakat perlu diberi lebih banyak maklumat mengenai aliran agama supaya mereka tidak lagi memandang serong potensi pelajar aliran itu.

"Jika maklumat diperoleh itu salah dan tidak diperbetulkan, mereka terus beranggapan aliran ini tidak mempunyai potensi melahirkan tenaga kerja berbentuk profesional," katanya.

Dr Zulkiple mengatakan pada awal penubuhan sekolah aliran agama pada 1970-an, ia kurang mendapat sambutan kerana sistem pentadbiran tidak teratur dan kurang prasarana.

Bagaimanapun, kesedaran masyarakat yang semakin meningkat menyebabkan Kementerian



"Jika pelajar lain mungkin boleh menguasai bahasa Melayu dan Inggeris, tapi mereka boleh menulis dan membaca bahasa Arab"

Profesor Dr Zulkiple
Abd Ghani

Pelajaran pada masa itu berunding dengan kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia agar sistem pentadbiran dan kurikulum di sekolah agama diselaraskan dengan sekolah menengah harian.

Kebanyakan sekolah agama yang sebelum ini menitikberatkan Pengajian

Islam dan Bahasa Arab turut menawarkan subjek seperti sekolah menengah harian.

Beliau berkata, sekitar 1970 an, kerajaan menjangkakan hanya 10 peratus saja pelajar aliran agama berkeupayaan melanjutkan pengajian di IPT.

"Kini, bilangan itu melebihi sasaran dengan peningkatan berkali ganda manakala pelajar aliran agama yang mengikuti jurusan profesional juga meningkat.

"Malah, banyak institusi turut ditubuhkan bagi menampung pertambahan pelajar aliran agama dan universiti yang khusus untuk pelajar terbabit," katanya.

Beliau mengakui pelajar aliran ini mempunyai banyak kelebihan.

"Antaranya, penguasaan bahasa. Jika pelajar lain mungkin boleh menguasai bahasa Melayu dan Inggeris, tapi mereka boleh menulis dan membaca bahasa Arab.

"Ditambah dengan elemen penguasaan kemahiran serta jati diri, prospek masa depan mereka juga cerah serta laku di pasaran industri," katanya.



MEREKA juga mampu mencipta kejayaan dengan cara tersendiri dan mengagumkan orang lain. - Gambar hiasan



Latih bagaimana untuk berfikir

Oleh Azizi Ahmad

Dalam kalangan kita tentunya berfikir bahawa tidak mungkin untuk mengajar anak-anak bagaimana untuk menjadi pemikir. Ramai beranggapan dan percaya seseorang itu tentunya dilahirkan berakal atau tidak. Ini anggapan dan kepercayaan tidak betul. Pemikiran kreatif dan kritikal adalah kemahiran dan ia boleh dipelajari. Bagaimanapun, ia memabatkan isu pembangunan. Kanak-kanak tentunya ku-

rang cenderung berfikir analitik berbanding orang dewasa. Bagaimana kanak-kanak berfikir bergantung kepada jangkaan guru dan ibu bapa terhadap kemampuan mereka untuk berfikir dan membuat keputusan sendiri. Pihak sekolah juga sering memberi tumpuan kepada pengajaran apa yang perlu pelajar fikirkan dan bukan bagaimana untuk berfikir. Ibu bapa juga cenderung memberitahu anak untuk berfikir. Ini merangkumi, memaklumkan kepentingan untuk anak agar bersikap

betul, namun arahan diberikan lebih berkemungkinan diterima jika kanak-kanak digalakkan untuk berfikir mengapa sikap dan perlakuan tertentu lebih digemari berbanding yang lain. Guru tahu bahawa ramai pelajar lemah dalam kemahiran berfikir. Antara penyebabnya ialah perubahan dalam budaya seperti kegiatan terhadap muzik, televisyen, permainan video, laman web rangkaian sosial dan menghantar mesej melalui telefon bimbit. Kita tidak mempunyai masalah untuk memberitahu

anak apa yang perlu difikirkan, tetapi apabila pemikiran mereka menjadi celaru, kita enggan membantu. Ramai ibu bapa dan guru berfikir adalah tidak baik untuk mencabar pemikiran anak apabila mereka berfikir celaru. Mereka bimbang cabaran itu boleh menjatuhkan harga diri dan memalukan anak. Realitinya adalah anak itu akhirnya mengetahui dengan sendirinya bahawa mereka tidak mampu berfikir seperti rakan mereka yang mempunyai kemahiran berfikir secara berkesan dan ini

menyebabkan mereka berasa rendah diri. Sekolah dan pentadbir juga menyumbang kepada masalah ini. Pelajar dilatih untuk memberi dan mencari jawapan yang betul. Ketentuan jawapan dan piawaian kemahiran yang ditetapkan juga tidak menggalakkan pelajar berfikir di luar kotak. Ramai pelajar kurang yakin untuk berfikir untuk diri mereka sendiri dan sebenarnya takut untuk mencuba Realitinya, pelajar sebenarnya adalah pemikir kreatif semula jadi sejak dilahirkan tetapi pihak seko-

lah menghalang pemikiran analitik dan kreatif pelajar. Dalam budaya kita, satu-satunya tempat di mana idea berawasan boleh dijana tetapi dikecualikan adalah di sekolah. • Penulis berkhidmat di Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Bahasa Antarabangsa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur. • Warga kampus yang mempunyai pandangan mengenai isu semasa, sila e-mel kepada ruhaizarusmin@mediaprima.com.my atau rencana@mediaprima.com.my